

Hubungan Antara Pengetahuan Dan Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017 dari Perspektif Guru (*The Relationship Between Knowledge and Implementation of The 2017 Revised Elementary School Standard Curriculum from the Teacher's Perspective*)

Aminudin Mansor^{1*}, Khairul Azhar Jamaludin¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p121072@siswa.edu.ukm.my

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.6>

Abstrak: Kurikulum negara telah mengalami perubahan sejajar dengan pelaksanaan plan pendidikan terkini. Perubahan tersebut menimbulkan pelbagai isu dan masalah yang memberikan kesan terhadap pencapaian matlamat sistem pendidikan negara. Kajian bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) dari perspektif guru. Reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan digunakan untuk menjalankan kajian. Seramai 140 orang guru dari daerah Rompin, Pahang telah menjawab soal selidik kajian. Analisis deskriptif dan inferensi dijalankan bagi menentukan nilai min, sisihan piawai dan korelasi melalui perisian SPSS 29. Hasil dapatan menjelaskan tahap pengetahuan guru adalah tinggi dengan nilai min 4.27 dan sisihan piawai 0.67. Tahap pelaksanaan turut berada pada aras tinggi dengan nilai min 4.20 dan sisihan piawai 0.71. Sementara itu, kajian mendapati wujud hubungan signifikan antara pengetahuan dan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) dengan nilai korelasi 0.75. Implikasi kajian menjelaskan guru perlu dibekalkan pengetahuan dan diberikan pendedahan lengkap tentang perubahan kurikulum bagi menjamin pelaksanaan yang berkesan.

Kata Kunci: Pengetahuan, pelaksanaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017

Abstract: The national curriculum has undergone changes in line with the implementation of the latest education plan. These changes give rise to various issues and problems that affect the achievement of the goals of the national education system. The study aims to identify the level of knowledge and implementation of KSSR (Revision 2017) from the perspective of teachers. A quantitative design through a survey method was used to conduct the study. A total of 140 teachers from Rompin district, Pahang have answered the survey questionnaire. Descriptive and inferential analysis was carried out to determine the mean value, standard deviation and correlation through SPSS 29 software. The findings explained that the level of teacher knowledge was high with a mean value of 4.27 and a standard deviation of 0.67. The level of implementation is also at a high level with a mean value of 4.20 and a standard deviation of 0.71. Meanwhile, the study found that there is a significant relationship between knowledge and implementation of KSSR (Review 2017) with a correlation value of 0.75. The implications of the study explain that teachers need to be provided with knowledge and given complete disclosure about curriculum changes to ensure effective implementation.

Keywords: Knowledge, implementation, Standard Primary School Curriculum Revision 2017

1. Pendahuluan

Pengetahuan dan amalan guru yang tinggi terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) penting dalam memastikan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berjaya direalisasikan (Abu Hasan & Musa, 2020). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula merombak sistem pendidikan melalui perubahan kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran agar relevan mengikut keperluan abad ke-21 (KPM, 2013). Transformasi kurikulum merupakan proses meningkatkan kualiti pendidikan agar murid memiliki enam aspirasi yang disenaraikan dalam PPPM 2012-2025. Perkara ini seiring dengan keperluan dan peredaran zaman bagi memenuhi keperluan murid dengan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 serta mempunyai nilai tinggi dalam pasaran global (Law, 2022). Isu peranan guru dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan khususnya dalam menghadapi cabaran perubahan budaya kerja telah ditekankan dalam Laporan Tahunan 2021 PPPM 2013-2025 (KPM, 2021). Sementara itu, menurut Howson dan Kingsbury (2021) transformasi kurikulum telah menimbulkan dilema yang mengelirukan guru dalam proses perubahan pembelajaran. Hal ini demikian, elemen utama dalam KSSR (Semakan 2017) iaitu kandungan, pedagogi dan pentaksiran telah mengalami perubahan. Penguasaan kandungan kurikulum guru mempunyai hubungan signifikan dengan kelancaran pengajaran guru dan minat murid untuk belajar (Tamyis et al., 2022). Selain itu, menurut Haron et al. (2020) kefahaman guru tentang pedagogi merupakan indikator untuk menentukan kemampuan guru melaksanakan pembelajaran yang berkesan. Malah, kefahaman guru tentang pentaksiran dapat meningkatkan perasaan ingin tahu murid, mengetahui kekuatan dan kelemahan pengajaran, mengawal perkembangan holistik murid, memantau keberkesanan pengajaran dan menjalankan intervensi segera bagi murid yang memerlukan (Mohd Nor & Haron, 2023)

Lili dan Osman (2023) menjelaskan bahawa elemen kurikulum, pedagogi dan pentaksiran dapat mempengaruhi keseimbangan proses pendidikan dan mewujudkan pembelajaran berkesan. Seterusnya, Hashim et al. (2022) menerangkan bahawa dalam pelaksanaan kurikulum guru menghadapi cabaran dari aspek bahan sokongan, kaedah pengajaran, amalan pentaksiran dan sukatan mata pelajaran. Hal ini demikian, guru masih bergantung kepada bahan sokongan pembelajaran yang terhad seperti buku teks dan papan putih, terikat dengan pendekatan pengajaran tradisional dan jarang menggunakan elemen KBAT dalam pentaksiran. Selain itu, kajian Muhamad Zaidi dan Othman (2023) menjelaskan timbul berbagai cabaran yang mendepani guru ketika melaksanakan kurikulum baru. Antaranya ialah penguasaan kandungan kurikulum, kepelbagaian murid, motivasi, kaedah pembelajaran belajar serta aplikasi pembelajaran abad ke-21. Kajian lepas tentang KSSR (Semakan 2017) hanya menumpukan kepada salah satu aspek kurikulum sahaja dalam sesebuah kajian tanpa melibatkan keseluruhan aspek dalam kerangka kurikulum iaitu kandungan, pedagogi dan pentaksiran. Kajian banyak tertumpu kepada kandungan kurikulum melalui analisis yang dijalankan ke atas kandungan buku teks sahaja (Tay & Rosli, 2022; Tor & Rosli, 2022; Hasan et al., 2020) Selain itu, kajian lepas juga kurang membincangkan hubungan tahap pengetahuan dan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) kerana kerap mengkaji tentang tahap keprihatinan dan pandangan guru dalam pelaksanaan kurikulum. (Huai & Lian, 2019; Abdullah et al., 2019; Othman & Wan Kadir, 2017). Maka, kajian ini penting dalam menyediakan data berguna kepada pihak KPM tentang tahap pelaksanaan guru dalam KSSR (Semakan 2017) seterusnya menjalankan tindakan susulan ke arah meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara.

Hasil dapatan kajian lepas menjelaskan terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) di peringkat sekolah. Antara masalah tersebut ialah tahap pengetahuan guru tentang kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran KSSR (Semakan 2017) masih rendah (Mohd Nasip & Ong, 2021; Ariffin & Arumugham, 2021; Mahendran et al., 2021). Hal ini demikian, guru kurang pendedahan dan pengalaman serta masih memerlukan bimbingan. Dari aspek amalan pelaksanaan kurikulum guru masih pada tahap sederhana dan terdapat guru yang mengekalkan pedagogi konvensional serta tidak berjaya menarik minat murid dalam pengajaran (Suhaimi & Shaffeei, 2023; Narinasamy et al., 2020). Guru juga masih mengalami perbezaan pertimbangan dalam amalan pentaksiran disebabkan kebimbangan terhadap penggunaan ujian formatif. Kesimpulan dari dapatan kajian-kajian lepas bahawa terdapat beberapa aspek penting dalam KSSR (Semakan 2017) yang belum dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh para guru mengikut hasrat KPM. Maka, kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan guru dalam KSSR (Semakan 2017) serta hubungan di antara keduanya. Pelaksanaan kajian merangkumi tiga elemen utama dalam KSSR (Semakan 2017) iaitu kandungan kurikulum, pedagogi guru dan pentaksiran.

2. Sorotan Literatur

KSSR (Semakan 2017)

KPM telah mula melaksanakan KSSR pada tahun 2011 dengan melalukan penambahbaikan dan pengukuhan melalui penyelarasan agar kurikulum negara selaras dengan PPPM 2013-2025 (KPM, 2016). Maka, pada tahun 2017 KSSR (Semakan 2017) mula dijalankan di seluruh negara. Beberapa perubahan telah berlaku dalam kurikulum dari sudut kandungan, pedagogi dan pentaksiran bertujuan menjamin keberhasilan murid dapat dicapai. Menurut Campbell-Philip (2020) dan Twining et al. (2021) perubahan dalam kurikulum penting untuk memastikan keperluan murid dapat dipenuhi bagi menghadapi cabaran dunia global dan kehendak ekonomi baru. KPM (2016) menyenaraikan tiga komponen utama dalam KSSR (Semakan 2017) iaitu kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Kandungan kurikulum merujuk kepada isi kandungan dan tujuan serta objektif dari pelajaran tersebut. Ia dijelaskan melalui Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Van Tassel dan Little (2021) merangkumkan kandungan kurikulum sebagai keseluruhan apa yang hendak diajar dalam sistem persekolahan termasuk fakta, prinsip dan konsep penting yang hendak diajar. Maka, menurut KPM (2016) kandungan kurikulum perlu dikemas kini agar murid menerima ilmu pengetahuan, berkemahiran dan nilai sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa.

Seterusnya, komponen pedagogi yang dijelaskan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah, sistem sekolah dan komunikasi murid dan guru yang melibatkan pembangunan kognitif, afektif dan psikomotor murid (Ishak & Abdul Razak, 2021). Perkara tersebut memerlukan strategi dan teknik yang berkualiti dan terkini untuk mencapai objektif pelajaran misalnya berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), penyelesaian masalah, pendekatan STEM dan sebagainya (KPM, 2016). Pelaksanaan pedagogi terkini penting kerana dapat meningkatkan motivasi murid belajar dan menambahkan efikasi sendiri guru (Bray et al., 2023; Martinez, 2021). Pentaksiran pula ialah kaedah pengukuran untuk menentukan tahap pencapaian objektif pelajaran. Pentaksiran dijalankan secara sumatif dan formatif secara berterusan melalui Standard Prestasi dan direkodkan dalam laporan. Said (2020) menjelaskan pentaksiran merupakan proses yang disusun rapi guru melalui kaedah pengumpulan, analisis dan penterjemahan aras penguasaan murid mengikut objektif pelajaran yang ditetapkan. Menurut Nor dan Haron (2023) pentaksiran dalam KSSR (Semakan 2017) adalah penting dalam mewujudkan pengajaran yang berkesan kerana dapat memberi refleksi yang berguna kepada guru dan murid. Hal ini demikian, ia melibatkan proses yang sistematik dalam

pengumpulan evidens, penilaian ilmu dan kemahiran murid seterusnya menilai perkembangan murid untuk guru membuat perancangan pengajaran berdasarkan kesediaan murid.

Pengetahuan Kurikulum

Guru perlu memiliki pengetahuan kurikulum yang terkini kerana ia merupakan salah satu komponen untuk mewujudkan pembelajaran berkesan (Saili, 2021). Sementara itu, Mustaffa et al. (2022) dan Abu Bakar dan Ishak (2023) menjelaskan pengetahuan kurikulum merujuk kepada pemahaman guru terhadap bahan atau kandungan pengajaran, kemahiran pedagogi dan cara melaksanakannya. Manakala, Carlson et al. (2019) menerangkan pengetahuan kurikulum termasuk pengetahuan tentang jenis penilaian yang berbeza, sifat pentaksiran serta strategi untuk mengajar dengan berkesan. Selain itu, kurikulum turut dibina melalui satu piawai standard yang mempunyai keseragaman dan kualiti untuk dikuasai oleh setiap murid. Perkara ini dikenali sebagai Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang mesti dikuasai murid mengikut masa dan peringkat sekolah. Sabrina et al. (2022) menerangkan pengorganisasian kurikulum adalah salah satu proses konkrit dalam memastikan matlamat pendidikan dapat dicapai. Dalam KSSR (Semakan 2017) kurikulum diorganisasikan melalui pembahagian mata pelajaran teras dan tambahan. Pengetahuan guru terhadap perubahan yang berlaku dalam KSSR (Semakan 2017) penting bagi memastikan objektif pelan pembangunan pendidikan dapat dicapai. Kajian Salleh et al. (2020) mendapati kefahaman dan persepsi guru terhadap kurikulum adalah berdasarkan pengetahuan kurikulum guru.

Perlaksanaan Kurikulum

Green (2022) menerangkan pelaksanaan kurikulum sebagai suatu tindakan yang dilakukan oleh guru secara berulang-ulang, perbuatan yang dirancang secara teratur, dipraktikkan dan dijalankan secara profesional. Maka, peranan guru sangat penting dalam menentukan pelaksanaan kurikulum dapat dicapai. Menurut KPM (2016) terdapat beberapa langkah pelaksanaan yang perlu dilakukan guru dalam melaksanakan KSSR (Semakan 2017) antaranya ialah membuat rujukan ke atas Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) ketika melakukan perancangan PdPc. Seterusnya aktiviti PdPc dan pentaksiran dilaksanakan dengan menggunakan kaedah dan pendekatan yang terkini. Perkara ini dapat dilaksanakan apabila guru menerapkan unsur KBAT untuk murid berupaya bersaing di peringkat global. Elemen merentas kurikulum (EMK) merupakan pengetahuan tambahan kepada murid dalam melengkapkan diri untuk mendepani cabaran dunia. Ia merangkumi elemen bahasa, teknologi, nilai murni, kenegaraan, keusahawanan, kewangan dan seumpamanya. Perkara ini penting untuk memastikan murid sentiasa menjadi murid yang aktif dalam pembelajaran dan meningkatkan lagi kualiti PdPc guru (How et al., 2021). Selain itu, dalam melaksanakan kurikulum guru juga perlu menjalankan strategi PdPc terkini yang berpusatkan murid, menggalakkan kemahiran berfikir serta penekanan kemahiran insaniah (KPM, 2016). Strategi ini penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran melalui peningkatan pencapaian murid dan mewujudkan PdPc yang seimbang dari semua aspek (Rajikal & Hamzah, 2020).

Berdasarkan teori dan kajian lepas didapati bahawa pengetahuan dan pelaksanaan dalam sesuatu perkara adalah saling berkaitan. Misalnya teori KAP (*Knowledge, Attitude and Practice/Behaviour*) yang diperkenalkan oleh Ramsey dan Rickson pada awal tahun 1970-an menjelaskan bahawa jika individu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, maka pengetahuan tersebut menjadi pendorong individu merubah sikap dan seterusnya membentuk tingkah laku kepada amalan yang baik (Rahip & Mohd Salleh, 2022). Maka, pengetahuan guru terhadap KSSR (Semakan 2017) penting dalam menentukan proses pelaksanaannya. Hal ini demikian pelaksanaan kurikulum dari kesemua aspek memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang konsep, prinsip, elemen, pendekatan, strategi dan sebagainya.

3. Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) dari perspektif guru. Rekabentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan dipilih kerana pendekatan ini dapat menjelaskan situasi, sikap, pandangan dan mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah serta kemampuan keputusan kajian untuk digeneralisasikan (Gray et al., 2021; Chua, 2021).

Populasi dan Pensampelan

140 daripada 205 orang guru sekolah rendah yang berkhidmat di zon Pantai Selatan, Rompin, Pahang. Bilangan tersebut adalah berdasarkan jadual saiz sampel yang dibangunkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Kaedah rawak sistematik digunakan bagi memilih sampel kerana kaedah ini membuka peluang seimbang pemilihan sampel dalam populasi dan data dari sampel dapat dijadikan kesimpulan umum (Noor et al. 2022). Melalui kaedah ini bilangan keseluruhan sampel ditentukan diikuti bilangan sela sampel dan pemilihan sampel berdasarkan sela tersebut.

Instrumen

Kajian ini telah menggunakan borang soal selidik dalam talian. Soal selidik telah diadaptasi dari kajian Abd Kadir (2022), Narinasamy et al. (2020) dan Nagarathinam et al. (2020). Instrumen soal selidik telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi responden, tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan KSSR (Semakan 2017). Skala Likert lima aras iaitu skala 1 mewakili sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 kurang setuju, 4 setuju dan 5 sangat setuju telah digunakan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan merujuk kepada ketepatan instrumen dalam mengukur objektif kajian manakala kebolehpercayaan pula merujuk kepada kemampuan instrumen dalam memberikan maklumat tekal, tepat dan jitu. Proses ini dijalankan melalui mengenal pasti domain instrumen, pengesahan kandungan instrumen dan kajian rintis (Othman & Kassim, 2019). Domain instrumen ditentukan berdasarkan kerangka KSSR (Semakan 2017) (KPM 2016) dan diadaptasi dari kajian lepas (Abd Kadir, 2022; Narinasamy et al., 2020; Nagarathinam et al., 2020). Manakala pengesahan kandungan instrumen melalui kesahan kandungan dan kesahan muka dijalankan dengan merujuk panel pakar bidang kajian. Hasil kajian rintis menunjukkan kesemua konstruk item mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi seperti yang dijelaskan dalam skala interpretasi dari Nogueira dan Fernandez (2016). Skala menjelaskan nilai melebihi 0.75 adalah tinggi manakala kurang dari 0.60 adalah rendah. Ketekalan tahap kebolehpercayaan turut diperolehi dari kajian lepas dengan mencapai nilai kebolehpercayaan melebihi 0.75 seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Konstruk Instrumen

Konstruk instrumen	Jumlah item	Nilai alpha Cronbach	Interpretasi
Pengetahuan kurikulum	13	0.97	Sangat tinggi
Pelaksanaan kurikulum	13	0.98	Sangat tinggi

Analisis Data

Proses analisis data menggunakan perisian Statistical Package for The Social Science (SPSS) versi 29.0. Statistik deskriptif dan inferensi dijalankan bagi menganalisis data melalui peratusan, min, sisihan piawan dan korelasi. Skala interpretasi min adalah berdasarkan Pimentel (2019) yang menjelaskan nilai min yang melebihi 4.20 adalah tertinggi, 3.41 adalah tinggi dan kurang dari 2.61 adalah rendah. Sementara itu, skala interpretasi korelasi adalah berdasarkan Dancey dan Reidy (2017) yang menyatakan nilai korelasi melebihi 0.40 adalah kuat dan kurang dari 0.29 adalah lemah.

4. Dapatan Kajian

Demografi Responden

Jadual 2 menjelaskan maklumat responden kajian. Hasil analisis data menunjukkan bilangan guru perempuan seramai 91 orang (65%) lebih banyak berbanding guru lelaki sebanyak 49 orang (35.0%). Guru yang memiliki pengalaman kurang dari satu tahun adalah paling kurang iaitu seramai 6 orang (4.3%) manakala guru yang memiliki pengalaman enam hingga 10 tahun adalah paling ramai iaitu 66 orang (47.1%). Dari sudut kelayakan akademik pula guru yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia adalah paling sedikit iaitu seramai 5 orang (3.6%) manakala guru yang memiliki ijazah sarjana muda adalah paling ramai iaitu sebanyak 104 orang (74.3%). Seterusnya, guru yang memiliki kelayakan ikhtisas PHD paling kurang iaitu seramai 2 orang (1.4%) manakala guru pemegang ijazah sarjana muda pendidikan adalah majoriti iaitu sebanyak 101 orang (72.2%).

Jadual 2: Maklumat demografi responden

Faktor demografi	Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	lelaki	49	35.0
	Perempuan	91	65.0
Pengalaman mengajar	< 1 tahun	6	4.3
	1 - 5 tahun	23	16.5
	6 - 10 tahun	45	32.1
	> 10 tahun	66	47.1
Kelayakan akademik	Sijil Pelajaran Malaysia	5	3.6
	Diploma	12	8.6
	Ijazah Sarjana muda	104	74.3
Kelayakan ikhtisas	Ijazah Sarjana	19	13.5
	Sijil Perguruan	7	5.0
	Diploma/DPLI	21	15.0
	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	101	72.2
	Ijazah Sarjana Pendidikan	9	6.4
	PHD dan setaraf	2	1.4
	Jumlah	140	100

Tahap Pengetahuan Guru Terhadap KSSR (Semakan 2017)

Jadual 3 menjelaskan tentang tahap pengetahuan KSSR (Semakan 2017) guru dari aspek kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Item B8 iaitu “*Saya faham penggunaan bahan bantu belajar yang sesuai dalam PdPc.*” dan item B10 iaitu “*Saya faham tentang pentaksiran melalui pelbagai aktiviti PdPc*” memiliki min tertinggi iaitu sebanyak 4.39 dan SP sebanyak 0.64 dan 0.60. Sebaliknya item B1 iaitu “*Saya faham tunjang kerangka KSSR seperti yang dinyatakan dalam DSKP KSSR (Semakan 2017)*” mencatatkan nilai min terendah iaitu 4.15 dan SP sebanyak 0.77. Analisis keseluruhan menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada aras sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan ialah 4.27 dan SP 0.67.

Jadual 3: Tahap pengetahuan guru mengikut konstruk

Konstruk	Item	Nilai Min	Nilai sisihan piawai (SP)	Interpretasi min
Tahap pengetahuan guru	B1	4.15	0.77	Tinggi
	B2	4.21	0.71	Tertinggi
	B3	4.24	0.69	Tertinggi
	B4	4.24	0.69	Tertinggi
	B5	4.19	0.61	Tinggi
	B6	4.24	0.70	Tertinggi
	B7	4.27	0.66	Tertinggi
	B8	4.39	0.64	Tertinggi
	B9	4.25	0.66	Tertinggi
	B10	4.39	0.60	Tertinggi
	B11	4.34	0.65	Tertinggi
	B12	4.25	0.63	Tertinggi
	B13	4.30	0.64	Tertinggi
Jumlah		4.27	0.67	Tertinggi

Tahap Pelaksanaan Guru Terhadap KSSR (Semakan 2017)

Jadual 8 membincangkan tahap pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) dari aspek kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Item C6 iaitu “*Saya melaksanakan aktiviti berpusatkan murid dalam PdPc*” memiliki nilai min tertinggi iaitu sebanyak 4.27 dan SP 0.69. Sementara itu, item C7 “*Saya menerapkan elemen KBAT dalam PdPc*” mencatatkan min terendah iaitu sebanyak 4.11 dan SP 0.82. Secara keseluruhan analisis mendapati tahap pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) adalah pada aras tinggi berdasarkan nilai min keseluruhan sebanyak 4.20 SP 0.72.

Jadual 4: Tahap pelaksanaan guru mengikut konstruk

Konstruk	Item	Nilai Min	Nilai sisihan piawai	Interpretasi
Tahap pelaksanaan guru	C1	4.20	0.69	Tinggi
	C2	4.20	0.75	Tinggi
	C3	4.24	0.76	Tertinggi
	C4	4.21	0.78	Tertinggi
	C5	4.18	0.67	Tinggi
	C6	4.27	0.69	Tertinggi
	C7	4.11	0.82	Tinggi
	C8	4.16	0.74	Tinggi
	C9	4.16	0.78	Tinggi
	C10	4.26	0.70	Tertinggi
	C11	4.25	0.68	Tertinggi
	C12	4.19	0.65	Tinggi
	C13	4.20	0.67	Tinggi
Jumlah		4.20	0.72	Tinggi

Hubungan Tahap Pengetahuan dan Pelaksanaan

Ujian korelasi *Pearson* dijalankan bagi menentukan hubungan tahap pengetahuan dan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017). Jadual 9 menjelaskan bahawa nilai korelasi ialah 0.757 dan nilai p ialah 0.000 iaitu lebih kecil dari 0.05 ($r=0.757$, $p<0.05$). Berdasarkan analisis tersebut maka hipotesis null gagal ditolak dan hipotesis alternatif iaitu terdapat hubungan yang

signifikan antara tahap pengetahuan dan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) diterima. Ini bermakna guru yang mempunyai pengetahuan yang tinggi mampu melaksanakan KSSR (Semakan 2017) dengan berkesan.

Jadual 5: Tahap Hubungan Pengetahuan Dan Pelaksanaan Guru

		Pelaksanaan guru
Pengetahuan guru	Pearson Correlation	0.757
	Sig. (2-tailed)	0.000
	N	140

5. Perbincangan

Kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan guru dalam KSSR (Semakan 2017) dari aspek kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran serta hubungannya. Perkara ini penting dalam mengukur sejauh mana matlamat PPPM 2023-2025 iaitu transformasi sistem pendidikan dapat dicapai. Hal ini demikian, pengetahuan guru terhadap kurikulum penting dalam proses penerimaan perubahan kurikulum dan mencapai matlamat pendidikan untuk membimbing murid (Vinnervik, 2023; Taufik, 2019). Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan KSSR (Semakan 2017) adalah tinggi. Hal ini demikian, guru mempunyai kefahaman mendalam tentang kandungan kurikulum merangkumi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Perkara ini dihuraikan dalam DSKP dan penting untuk dikuasai oleh guru agar setiap murid menerima pengetahuan yang seimbang dan mempunyai kualiti tinggi. Salah satu faktor guru memiliki pengetahuan mendalam terhadap DSKP disebabkan guru menerima pendedahan yang berkesan daripada pihak kementerian menerusi kursus dan bengkel yang telah dianjurkan. Kenyataan ini dijelaskan Narinasamy et al. (2021) bahawa penyebaran kurikulum oleh KPM melalui peringkat pusat, negeri dan daerah membantu guru memahami dan melaksanakan kurikulum dengan baik. Walau bagaimanapun, dapatan ini bertentangan dengan kajian Mustaffa et al. (2021) dan Zaini et al. (2020) yang menjelaskan bahawa tahap pengetahuan kurikulum guru masih sederhana. Guru didapati tidak menguasai sepenuhnya kandungan dan bahan pengajaran sehingga tidak berupaya mempelbagaikan bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran masih terikat dengan kaedah tradisional dan tidak mahir dalam menguruskan penilaian. Perkara ini merisaukan kerana mengakibatkan guru tidak dapat menguruskan kelas dengan cekap dan tidak mampu mewujudkan pembelajaran yang berkesan (Jusoh & Hamzah, 2020).

Sementara itu, kajian mendapati tahap pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) guru adalah tinggi. perkara ini menjelaskan bahawa guru dapat menyampaikan kandungan kurikulum, melaksanakan pedagogi dan pentaksiran dengan baik. Hal ini demikian, bahan pengajaran yang berkualiti seperti buku teks dan lain-lain telah disediakan lantas memastikan kandungan pengajaran guru menepati kurikulum. Kajian lepas menjelaskan yang menjelaskan buku teks merupakan bahan penting dalam menyediakan panduan pelaksanaan kurikulum, menjadi rujukan utama guru dan dapat mempengaruhi kaedah pengajaran guru (Rosli & Tor, 2022; Hasan et al, 2020). Di samping itu, pelaksanaan kurikulum yang tinggi juga disebabkan oleh faktor pemantauan yang berstruktur, bimbingan serta pementoran melalui pemimpin sekolah yang berkesan. Pemantauan dan bimbingan kurikulum dijalankan melalui pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. Standard ini menjadi panduan untuk menyelia, menambah baik dan berkongsi amalan profesional dalam pengajaran agar selaras dengan kurikulum yang ditetapkan KPM. Hal ini turut disokong kajian lepas yang menjelaskan bahawa pemimpin sekolah berperanan penting dalam menjadi peneraju pelaksanaan kurikulum melalui amalan penyeliaan berdasarkan SKPMg2 (Samsuri & Safii, 2023; Mei & Mydin,

2022). Walau bagaimanapun, dapatan kajian bertentangan dengan kajian lain (Mustaffa et al., 2021; Zaini et al., 2020; Suhaimi & Shaffeei, 2023; Arumugham, 2020; Sulaiman & Hasan, 2019) yang mendapati tahap pengetahuan dan pelaksanaan kurikulum masih pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan guru didapati tidak menguasai sepenuhnya kandungan dan bahan pengajaran sehingga tidak berupaya mempelbagaikan bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran masih terikat dengan kaedah tradisional dan tidak mahir dalam menguruskan penilaian serta mempunyai persepsi yang rendah terhadap kurikulum. Justeru itu, guru perlu sentiasa diberikan pendedahan melalui kursus, bengkel dan seumpamanya yang dapat meningkatkan kemahiran kurikulum (Kwiek & Szadkowski, 2018).

Selain itu, kajian juga mendapati wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan pelaksanaan kurikulum. Hal ini demikian, guru yang mempunyai pengetahuan mendalam terhadap kurikulum lebih bersedia, berkemampuan dan mempunyai persepsi yang baik terhadap pelaksanaan kurikulum. Perkara ini turut dijelaskan oleh Abd Halim et al. (2023) bahawa guru yang mempunyai pengetahuan lebih berminat dan bersedia untuk melaksanakan kurikulum. Selain itu, pengetahuan juga mempengaruhi kemahiran pedagogi dan pentaksiran serta meningkatkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan kurikulum (Mohd Zamri et al., 2021; Nagarathinam, 2020; Tajudin dan Abdullah, 2018). Dapatan ini menyokong teori KAP (*knowledge-Attitude-Practice*) yang menjelaskan pelaksanaan sesuatu perkara bermula dari pengetahuan dan sikap yang baik terhadap perkara tersebut. Hal ini demikian, pengetahuan dapat merubah sikap dan menggalakkan seseorang untuk mengamalkan sesuatu perkara (Mohd Isa, 2016). Walau bagaimanapun, dapatan ini bertentangan dengan penemuan pengkaji lain yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan antara pengetahuan dan amalan kurikulum guru. Perkara ini disebabkan wujud faktor lain yang menghalang pelaksanaan kurikulum secara berkesan. Antaranya seperti masalah pandemik Covid-19, jumlah murid yang ramai di dalam sesebuah kelas, kemudahan infrastruktur yang tidak lengkap, masa yang tidak mencukupi dan kurang pendedahan tentang pembaharuan dalam sistem pendidikan (Ambotang et al., 2021; Hashim et al., 2022).

6. Kesimpulan

Secara ringkasnya tahap pengetahuan dan pelaksanaan KSSR Semakan (2017) guru berada dalam tahap yang baik. Perkara ini menggambarkan para guru sentiasa komited dan berada di landasan terbaik untuk merealisasikan hasrat pihak kementerian. Walaupun kurikulum sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan keperluan global serta terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaannya namun para guru perlu sentiasa bersedia untuk meningkatkan pengetahuan demi melaksanakan perkara tersebut dengan lebih berkesan.

Rujukan

- Abd Kadir, S. (2022) Pengetahuan Dan Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Sekolah Kebangsaan di Perlis. (Master's thesis, Universiti Utara Malaysia).
- Abd Samad, N. (2021). Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Pentaksiran Formatif Dalam Kalangan Guru-guru Bahasa Inggeris. (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Abd. Halim, M. I., Mamat, N., & Mohd Radzi, N. M. (2023). Kesiediaan Mengajar Guru Prasekolah Dalam Pengajaran Dan Pemudah Caraan Matematik Awal Berasaskan STEM: Peranan Pengetahuan, Minat Dan Sikap Mengajar. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 30–44.

- Abu Bakar, M. Z., & Ishak, R. (2023). Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional: Suatu Kajian Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 76-90.
- Abu Hassan, M. A., & Musa, K. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan Di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9(2), 37–45. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/3536>
- Alias, N. S. S., & Hamzah, M. I. (2022). Kesan Elemen Merentas Kurikulum Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(1), 142-168.
- Ambotang, A. S., Andin, C., & Minduru, N. (2021). Sumbangan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah rendah terhadap amalan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kesidang*, 6(1), 107-119.
- Mohd Nasip, A., & Ong, E. T. (2021). Pandangan Guru Terhadap Tahap Kesukaran Topik-Topik Sains Tahun Satu. *Jurnal Ilmi* (11), 26-33.
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152-161.
- Tajudin, A., & Abdullah, N. (2018). Kesediaan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(1), 82-97.
- Bray, A., Girvan, C., & Chorcora, E. N. (2023). Students' Perceptions of Pedagogy For 21st Century Learning Instrument (S-POP-21): Concept, Validation, And Initial Results. *Thinking Skills and Creativity*, 49, 101-319.
- Campbell-Phillips, S. (2020). Education and Curriculum Reform: The Impact They Have On learning. *Budapest International Research and Critics in Linguistics and Education (BirLE) Journal*, 3(2), 1074-1082.
- Carlson, J., Daehler, K. R., Alonzo, A. C., Barendsen, E., Berry, A., Borowski, A., ... & Wilson, C. D. (2019). The Refined Consensus Model of Pedagogical Content Knowledge In Science Education. *Repositioning Pedagogical Content Knowledge In Teachers' Knowledge For Teaching Science*, 77-94.
- Chua, Y.P. (2021). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan* (4th ed.) McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Dancey, C., & Reidy, J. (2017). *Statistics Without Maths for Psychology* (7th ed.). Pearson Education Limited.
- Gray, J., Groves, S., Flores, C. (2021). *Burns and Grove's the Practice of Nursing Research: Appraisal, Synthesis, and Generation of Evidence*. (9th ed.) Elsevier.
- Green, B. (2022). Understanding Curriculum as Practice, Or On The Practice Turn(S) In Curriculum Inquiry. *Curriculum Perspectives*, 42, 77–83.
- Tor, G.Y. & Rosli, R. (2022). Content Analysis on Space Topic in 2021 Revised KSSR Mathematics Textbook. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia* 12(2), 93-106.
- Mahmad Khory, H.H., Abdul Rahman, M.N. & Zailaini, M.A. (2021). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Arab Berasaskan Keperluan Pembelajaran Murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41-57.
- How, R. P. T. K., Zulnaidi, H., & Rahim, S. S. A. (2021). Analisis Keperluan Terhadap Pembinaan Modul Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dan Kemahiran Literasi Digital Bagi Tajuk Persamaan Kuadratik. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(4), 15-31.
- Howson, C.K. & Kingsbury, M. (2021). Curriculum change as transformational learning. *Teaching In Higher Education*, 28(8).

- Hushaini, N. H., Osman, Z., & Sarudin, A. (2020). Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Guru Sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 1-13.
- Narinasamy, I., Arumugam, L., Kim, S.S., Musa, S. (2020). Teachers' Perceptions On The Implementation Of KSSR (Revised 2017) And KSSM: An Online Survey. *Jurnal Kurikulum*, 153-163.
- Ishak, N. A., Jamil, H., & Abd Razak, N. (2021). Pedagogi Meningkatkan Kualiti Intelektual Pelajar. Penerbit USM.
- Ariffin, J. & Arumugham, K.S. (2021). Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah Dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Besar. *Asian People Journal*, 4(2), 80-89.
- Huai, K.M. & Lian, L.H. (2019). Teachers' Knowledge and Concern Regarding The Implementation Of Primary School Standard Curriculum (KSSR). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 8(1), 22-31.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2023: Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah*. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan KSSR (Semakan 2017)*. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Laporan Tahunan 2021 PPPM 2013-2025*. KPM.
- Khory, H. H. M., Rahman, M. N. A., & Zailaini, M. A. (2021). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Arab Berasaskan Keperluan Pembelajaran Murid. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41-57.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Mahendran, K., Adenan, N.H., Abd Karim, N.S., Rawdah. A. & Md Junus, N.W. (2021). Analisis Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PCK) Guru Pelatih Matematik. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 14, 72-81.
- Kwiek, M. & Szadkowski, K. (2018). Higher Education Systems and Institutions, Poland. *Encyclopedia Of International Higher Education Systems and Institutions*, 1-10.
- Law, M.Y. (2022). A Review of Curriculum Change and Innovation for Higher Education. *Journal of Education and Training Studies*, 10(2),16-23.
- Lee, H. Y. & Khairani, M.Z. (2018). Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Estetik. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6, 1-10.
- Martinez, C. (2022). Developing 21st Century Teaching Skills: A Case Study of Teaching and Learning Through Project-Based Curriculum. *Cogent Education*, 9(1), DOI: 10.1080/2331186X.2021.2024936.
- Mengistie, S. M. (2020). Primary School Teachers' Knowledge, Attitude and Practice of Differentiated Instruction. *international Journal of Curriculum and Instruction*, 12(1), 98-114.
- Tamyis, M. M., Suppian, Z., Che Md. Ghazali, N. H. & Sathianarayanan, P. (2022). Pelaksanaan kurikulum Jawi Di Sekolah Rendah: Suatu Penilaian Input. *PENDETA* 13(2), 13-24.
- Mei, C. S., & Mydin, A. A. (2022). Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(2), 31-40.
- Muhamad Zaidi, M.S. & Othman. M. K. (2023). Cabaran guru pengajaran Pendidikan Islam kurikulum standard sekolah menengah (KSSM). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 8(50), 508-521.
- Mohd Zamri, N., Hamzah, M. I. & Surat, S. (2021 September 14). Kemahiran pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*. Bangi.

- Haron, M. Z., Md Zalli, M. M., Mohd Akil, F. N., Mohd H. A. I. S. (2020 Oktober 20). Pengetahuan pedagogi, kemudahan pembelajaran dan hubungannya dengan kualiti pengajaran guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia. Seminar Darul Aman Peringkat Kebangsaan.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Tahap Pengetahuan Kurikulum Dan Amalan Pedagogi Terbeza Guru-Guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 1-11.
- Mat Hussien, N. (2022). Aspirasi Ibu Bapa, Guru dan Para professional Terhadap Perkembangan Kanak-kanak Keperluan Khas: 523-544. Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas. Fakulti Pendidikan UKM: Bangi.
- Nogueira, K & Fernandez, C. (2018). The Reliability of An Instrument to Measure Teacher Knowledge From The Perspective Of Learners in The Context of PIBID. *Problems of Education in the 21st Century*, 76(1), 69-86.
- Noor, S., Tajik, O., & Golzar, J. (2022). Simple Random Sampling. *International Journal of Education & Language Studies*, 1(2), 78-82.
- Nor, S. M., & Haron, Z. (2023). Instrumen Literasi Pentaksiran Bilik Darjah Guru Sekolah Berdasarkan Konteks Pendidikan di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik (SLR). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4).
- Abdullah, N., Mohd Noh, N., Hamzah, M., Nik Yusof, N. A., & Omar, R. (2019). Kesiediaan Guru Sains dan Matematik Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 4(1), 81-96.
- Jusoh, N. & Hamzah, M. I. (2020). Kemahiran guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Rahip, N. R. & Mohamad Saleh, M. S. (2022). Tinjauan Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Pekerja Penghantar Makanan Di Malaysia Terhadap Jangkitan Covid-19. *Asian People Journal*, 5(2), 61-74.
- Hasan, N. H., Sapar, A. A. & Sira, S. (2020). Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan Dan Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdot. *Jurnal Kurikulum & Asia Pasifik JUKU*, 8(2), 1-12.
- Othman, I., & Wan Kadir, W. A. (2017). Teachers' View on KSSR Mathematics Document Standard Of Curriculum. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 7(2), 19-30.
- Othman, M. S. B., & Kassim, A. Y. B. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di dalam mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menerusi pengajaran akidah. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 15-26.
- Pimentel, J.L. (2019). Some Biases in Likert Scaling Usage and its Correction. *International Journal of Sciences: Basic and Applied Research*, 45, 183-191.
- Rajikal, W., & Hamzah, M. I. (2020). Kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI): Systematic review of 21st century teaching among islamic education teachers. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103-113.
- Nagarathinam, R., Ratnam, V. & Arumugam, U. (2020). Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Bagi Mata Pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Kurikulum*: 99-112.
- Hasan, N. H., Sapar, A. A., & Siraj, S. (2020). Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan Dan Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard

- Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdote. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1-12.
- Hashim, R., Awang Mat, M. Z., Abd Rashid, A., Zubairi, A.M. & Mohd Shahrin, M. F. (2022). Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 Dari Perspektif Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 65-79.
- Sabrina, E., Giatman, M., & Ernawati, E. (2022). Development of Curriculum Management in The World Of Education. *Fair Value: Jurnal Ilmiah Akuntansi dan Keuangan*, 4(10), 4691-4696.
- Mohd Nor, S. & Haron, Z. (2023). Instrumen Literasi Pentaksiran Bilik Darjah Guru Sekolah Berdasarkan Konteks Pendidikan di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik (SLR). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8 (4): 1-16.
- Said, N. A. (2020). Pentaksiran Alternatif: Pentaksiran Prestasi, Autentik, Portfolio Dan Kaedah Pelaksanaan Pentaksiran Prestasi. *Sains Humanika*, 12, 2-20.
- Saili, J. (2021). Impak Tahap Pengetahuan Kurikulum Guru Terhadap Pencapaian Tajwid Al-Quran Pelajar KKK. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 9(1), 12-21.
- Salleh, M. R., Ahmad, A. C., Ghazali, E. E., Zakaria, N., & Zakaria, P. 2022. Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Khas Tentang Kandungan, Pelaksanaan Pedagogi Dan Penilaian KSSR Dalam Melahirkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pembelajaran Yang Mampu Berdikari.
- Samsuri, S. S., & Safii, A. (2023). Kajian Amalan Terbaik Kepimpinan Instruksional Pengetua Sebuah Sekolah Program TS25 Kohort 2. *International Journal Educational Research on Andragogy and Pedagogy*, 1(1), 62-70.
- Suhaimi, Z. I., & Shaffeei, K. (2023). Analisis Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun Satu: ATTARBAWIY: *Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 33-43.
- Sulaiman, A. R., & Hassan, H. (2019). Persepsi Guru Pendidikan Islam Dalam Pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2, 13-19.
- Taufik, A. (2019). Pengembangan Kurikulum Pendidikan Islam. *El-Ghiroh: Jurnal Studi Keislaman*, 17(02), 81-102.
- Tor, G. Y., & Rosli, R. (2022). Content Analysis on Space Topic in 2021 Revised KSSR Mathematics Textbook: Analisis Kandungan Topik Ruang dalam Buku Teks Matematik KSSR Semakan 2021. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 12(2), 93-106.
- Twining, P., Butler, D., Fisser, P., Leahy, M., Shelton, C., Forget-Dubois, N., & Lacasse, M. (2021). Developing A Quality Curriculum in A Technological Era. *Educational Technology Research and Development*, 69, 2285-2308.
- VanTassel-Baska, J., & Little, C. A. (Eds.). (2021). *Content-based Curriculum for High-Ability Learners*. Routledge.
- Vinnervik, P. (2023). An in-depth Analysis of Programming in The Swedish School Curriculum Rationale, Knowledge Content and Teacher Guidance. *Journal of Computers in Education*, 10(2), 237-271.
- Lili, W. & Osman, K. (2023). Hubungan berstruktur antara pengetahuan dengan amalan pengajaran guru Matematik sekolah rendah dalam konteks KSSR. (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Tay, Y. S. & Rosli, R. 2022. An Analysis on Cognitive Domain In The Topic Of Money For Year 5 And Year 6 Mathematics Textbooks Revised KSSR 2017. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 12(2), 1–21.

- Yusoff, S. H. M., & Ismahisham, S. A. M. (2021). Amalan Praktis Bilik Darjah Pendidikan Abad Ke-21 Memberi Impak Kepada Kualiti Pengajaran. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(1), 189-206.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia: Competency of Arabic Teachers In Primary School In Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.
- Suhaimi, Z. I & Shaffeei, K. (2023). Analisis Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam kurikulum Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun Satu. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 33-43.
- Mohd Isa N. K. 2016. Pengetahuan, Sikap Dan Tingkah Laku Pelajar Upsi Terhadap Prinsip-Prinsip Kampus Lestari. *Jurnal Perspektif*, 8(1), 29-41.